

'Bina semula negara yang anda musnahkan'

DAVOS, Switzerland 25 Jan. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan bahawa mana-mana pihak yang memusnahkan infrastruktur sesebuah negara wajar membinanya semula berasaskan prinsip "siapa memusnah, dia kena bina semula."

Perdana Menteri merujuk kepada usaha Lebanon membina semula infrastruktur yang musnah akibat serangan Israel ke atas negara itu tahun lalu.

Tanpa menyebut nama mana-mana negara, beliau berkata, "kamu yang memusnah, kamu bina balik, tidak kira sesiapa pun."

Tetapi menurutnya, Malaysia tetap akan

memberi bantuan kepada negara-negara yang menjadi mangsa peperangan sama ada Lebanon, Palestin dan Iraq.

Perdana Menteri mengambil contoh Bosnia-Herzegovina yang pernah dimusnahkan oleh Serbia.

Sepatutnya, menurut beliau, Serbia yang patut membina semula Bosnia tetapi apabila diminta, Malaysia tetap membantu.

Beliau menarik perhatian bahawa Malaysia juga memberi bantuan kepada Palestin, antara lain dalam bentuk latihan dan pembinaan modal insan.

Katanya, bantuan itu diberi walaupun

Malaysia sekarang menghadapi malapetaka banjir.

Abdullah menyatakan perkara ini pada sidang akhbar yang diadakan selepas sesi pleno Forum Ekonomi Dunia (WEF) Davos bertajuk *Tata Kejuranan Global dalam Dunia Pelbagai Budaya*.

Prinsip "Siapa memusnah, dia kena bina semula" dinyatakan Abdullah sebagai respons kepada komen salah seorang ahli panel, Presiden Jawatankuasa Yahudi bagi Hubungan Antara Agama Amerika Syarikat, Ketua Rabbi David Rosen.

Rosen berkata, umat Islam perlu melihat

diri sendiri dan tidak menjadikan isu Palestin sebagai kambing hitam yang perlu disalahkan atas masalah dunia Islam sendiri.

Menurut Rosen, anda kata isu Palestin selesai, masalah orang Islam seperti di Algeria dan Darfur tidak akan berakhir.

Beliau menyatakan demikian sebagai reaksinya kepada ucapan pembukaan Perdana Menteri yang menyebut bahawa kunci kepada kemarahan umat Islam terhadap Israel dan Barat ialah masalah Palestin.

- Utusan

UM - 26/1/2007